

TARIKH	30 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	11	RUANGAN	NASIONAL

Jemaah kita puas hati

» *Pergerakan 28,000 orang berjalan lancar*

Kerajaan berpuas hati kerana Lembaga Tabung Haji dapat mengendalikan perjalanan ibadah haji jemaah Malaysia dengan lancar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata jemaah Malaysia juga dilihat sangat berpuas hati kerana dapat menunaikan ibadah haji mereka dengan jayanya.

"Secara keseluruhannya pada ibadah haji tahun ini, kita lihat ada peningkatan dari sudut pergerakan terutama untuk membawa 28,000 jemaah haji Malaysia ke Padang Arafah, Muzdalifah dan Mina.

"Kita lihat ia adalah satu pelaksanaan yang berjaya," katanya selepas menyampaikan kad ucapan dan kuih Aidiladha daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor kepada jemaah haji Malaysia di Ibu Pejabat Tabung Haji di sini.



Jamil Khir Baharom

Beliau berkata, tahap kesihatan jemaah juga dapat dipantau baik berikutan adanya pasukan perubatan Tabung Haji.

Selain itu, katanya, jumlah kematian jemaah Malaysia juga berkurangan iaitu 24 orang berbanding 79 orang tahun lalu.

Sementara itu, Amir Daerah Makkah, Putera Khaled Al-Faisal dalam akhbar Inggeris Arab Saudi, *Saudi Gazette*, menyalahkan kehadiran lebih dari 1.3 juta jemaah haji luar negara yang masuk ke Arab Saudi untuk menunaikan haji tanpa permit sah.

Tinjauan BERNAMA hari ini mendapati, jemaah haji Malaysia sudah mula bergerak pulang ke hotel penginapan masing-masing di sini selepas selesai melakukan ibadah melontar jamrah di Mina semalam.